

*Buletin*

MINGGUAN

بوليتيك — زار النديم

DARULNAIM

www.upknkelantan.com

**ECRL: SEKSYEN 1 SIAP
39 PERATUS, SEKSYEN 2,
10 PERATUS**

**HOSPITAL BACHOK 80
PERATUS SIAP**

**LRA KETEREH MAMPU BEKAL
AIR KEPADA 4 RIBU PENGGUNA
DI 36 KAMPUNG**

KELANTAN SASAR TANAM 15 JUTA POKOK SEPANJANG RMK-12

PASIR MAS, 30 Mei - Kerajaan Negeri Kelantan mensasarkan untuk menanam 15 juta pokok di seluruh Kelantan sepanjang Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

Menteri Besar, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob berkata Program Penghijauan Malaysia – Kempen Penanaman 100 Juta Pokok anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) bertepatan dengan iltizam Kerajaan Negeri Kelantan untuk menggerakkan inisiatif menangani dan mengurangkan kesan perubahan iklim.

Beliau memaklumkan pada tahun 2021, Kelantan berjaya menanam 4.2 juta pokok menerusi pelbagai program melibatkan seluruh lapisan masyarakat yang dilaksanakan JPNK, agensi-agensi awam, pihak swasta dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dalam Kelantan serta individu.

"Jumlah tanaman ini adalah tertinggi di Semenanjung Malaysia dan ketiga tertinggi di Malaysia selepas Sarawak dan Sabah", katanya di Maahad Tahfiz Daril



Ulum, Kampung Meranti.

Beliau turut memuji pelaksanaan program sedemikian amat baik untuk memupuk kesedaran masyarakat tentang kesedaran dan kepentingan memelihara alam semula jadi.

Tambahnya, program tersebut juga boleh dijadikan platform untuk rakyat mengetahui perancangan kerajaan dalam menguruskan sumber hasil hutan negeri secara langsung khususnya daripada JPNK. Sekali gus mendekatkan masyarakat dengan agensi kerajaan supaya maklumat dan penyampaian kerajaan sampai tepat kepada masyarakat.

Sebagai ketandaan komitmen yang



tinggi selaku Ketua Kerajaan Negeri Kelantan dalam melestarikan dan mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi untuk kesejahteraan dan kestabilan alam sekitar, Ustaz Dato' Ahmad menanam pohon Meranti Tembaga pada majlis tersebut diiringi para kenamaan lain yang menanam 12 spesies daripada 25 spesies pokok Meranti (Shorea) di Semenanjung Malaysia. Turut hadir, Speaker Kerajaan Negeri, YB Dato' Abdullah Ya'kub, Exco Kerajaan merangkap Ahli Dewan Undangan Meranti YB Dato' Panglima Perang Dato' Mohd Nassuruddin Daud dan kenamaan lain.

KURIKULUM YIK DIGUNA PAKAI DI SEKOLAH LUAR NEGARA



KOTA BHARU, 29 Mei – Kurikulum pendidikan yang dibangunkan oleh Yayasan Islam Kelantan (YIK) diguna pakai di 11 sekolah di luar Kelantan dan dua sekolah di luar negara, salah satunya ialah Kemboja sejak tahun 2000 lagi.

Jawatankuasa Pembangunan Insan,

Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata hal tersebut menunjukkan kurikulum YIK antara yang terbaik kerana menjadi rujukan pihak luar terutamanya bagi kategori sekolah swasta atau persendirian sekali gus membuktikan bahawa pendidikan di Kelantan menjadi agenda utama Kerajaan Negeri dalam usaha membina tamadun Rabbani.

Berhubung perkara yang sama, Timbalan Pengarah (Kenaziran) YIK, Ustaz Sukeri Hussin memaklumkan 11 sekolah tersebut ialah lima di Selangor,

tiga di Terengganu, dua di Johor dan satu di Melaka.

"Semua sekolah yang terlibat akan dibekalkan buku teks dan bagi peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) pula dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan YIK termasuklah diurus setia dan dikawal selia oleh Bahagian Penilaian dan Peperiksaan YIK," katanya ketika dihubungi.

Tambahnya, YIK juga menyediakan buku manual maahad tafhiz yang telah dipatenkan sebagai harta intelek dan boleh diguna pakai oleh pihak luar setelah mendapat kebenaran daripada YIK.

ECRL: SEKSYEN 1 SIAP 39 PERATUS, SEKSYEN 2, 10 PERATUS



KOTA DARULNAIM, 1 Jun – Pengerusi Jawatankuasa Kerjaya, Infrastruktur dan Utiliti, YB Sr Azami Mohd Nor memaklumkan status terkini kemajuan pembinaan infrastruktur Projek The East Coast Rail Link (ECRL) atau Laluan Rel Pantai Timur bagi Seksyen 1, Stesen Utama Kota Bharu sudah pun mencapai 39.34 peratus sehingga April lalu.

Progres tersebut melibatkan pembinaan lapan jambatan di Kota



Baru, Sungai Kemasin, D126, Ketereh, Melor, Kok Lanas dan D136 serta tujuh lapangan kerja-kerja tanah. Manakala bagi Seksyen 2 yang meliputi terminal penumpang dan kargo di Stesen Pasir Puteh pula kemajuannya mencecah 10 peratus.

Beliau berpuas hati dengan kemajuan 24 peratus tahap keseluruhan pembinaan infrastruktur tersebut menjelaskan perincian kemajuan semasa sehingga April lalu secara

K E M A K M U R A N

keseluruhannya merangkumi pembinaan jambatan bermula 14 per 18 nos yang sudah mencapai 77 peratus, manakala kerja-kerja tanah (blok) pada kadar 12 per 19 nos dengan peratusan progres mencapai 63.15 peratus.

“Jumlah panjang keseluruhan rel jajaran Kelantan ialah 43.86 km merangkumi 28.34 km struktur tanah di 13 laluan jalan utama, 15.06 km struktur elevator menyeberangi 13 sungai dan 0.46km terowong tunggal di Bukit Yong”, katanya.



TAHANIAH SHAIFULLAH, 173 PENERIMA APC BAGI TAHUN 2021

KOTA DARULNAIM, 29 Mei – Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN), Shaifullah Ayub, 36, dan 173 penjawat awam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan diiktiraf menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi Tahun 2021.

Beliau dan para penerima anugerah tersebut menerima Sijil APC dan hadiah prestasi bernilai RM1,000 setiap seorang yang disampaikan oleh Menteri Besar YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Dato' Ahmad Yakob di Dewan Jamuan Utama, Kota Darulnaim.

Ustaz Dato' Ahmad berkata APC selaras dengan usaha yang memperkuuh dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dalam membudayakan kerja berprestasi tinggi dan berinovasi serta menilai jasa, sumbangan dan pengorbanan pegawai dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik dalam menjalankan tugas secara rasmi mahupun penglibatan aktif di dalam



kegiatan sosial dan kemasyarakatan.

“Kita berbangga kerana setiap tahun dapat meraikan penjawat awam yang berprestasi tinggi dari pelbagai jabatan dan agensi kerajaan di seluruh Negeri Kelantan yang dilantik secara tetap, sementara ataupun kontrak serta telah berkhidmat sekurang-kurangnya

setahun pada hari terakhir tahun penilaian”, katanya.

Kriteria pemilihan berpandukan perolehan markah melalui Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) mencapai 90 peratus dan ke atas serta bebas daripada sebarang sebarang tindakan tatatertib sepanjang tahun penilaian.

K E S E J A H T E R A A N

HOSPITAL BACHOK 80 PERATUS SIAP

BACHOK, 31 Mei – Pembinaan Hospital Bachok di Jelawat mencapai 80.7 peratus kemajuan kerja sehingga 29 Mei 2022. Baki pembinaan 20 peratus lagi yang membabitkan kos RM67.19 juta dijadualkan siap sepenuhnya pada 27 Oktober tahun depan sekali gus melengkapkan status Kelantan mempunyai satu hospital di setiap daerah.

Ahli Dewan Undangan (ADUN) Jelawat YB Abdul Azziz Kadir berharap pembinaan hospital tersebut berjalan lancar mengikut jadual yang ditetapkan kerana pembinaan Hospital Bachok amat penting bagi menampung keperluan penduduk tempatan.

“Manfaatnya dapat dirasai oleh



masyarakat sekitar tanpa perlu ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) atau ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) untuk mendapatkan rawatan”, katanya ketika dihubungi.

Sebagai rekod, kerja pembinaan Hospital Bachok yang menelan kos RM141 juta telah dimulakan pada September 2016 dan sepatutnya siap pada Disember 2020, namun tergendala berikutan pandemik COVID-19.

RAKYAT TERUS DIBANTU MELALUI JUALAN PASAR RAKYAT KEL-AGRO

PASIR PUTEH, 28 Mei - Kerajaan Negeri Kelantan komited membantu rakyat mendapatkan bekalan keperluan makanan dengan harga murah dengan inisiatif subsidi melalui Pasar Rakyat KELAGRO.

Program bersiri kelolaan Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) bersama agensi-agensi pertanian Kerajaan Negeri dan Pusat tersebut diadakan di tapak pasar malam Selising.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi,

Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar, YB Ustaz Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berterima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakannya.

“Kita bersyukur masyarakat menyambut baik program yang bermula pada pukul 8.00 pagi ini dengan sambutan luar jangka apabila sekitar pukul 10.00 pagi sudah banyak barang basah dan kering habis dijual,” katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selising itu juga berkata, 500 ekor ayam segar yang dijual dengan

harga RM7 sekilogram turut habis dijual dalam masa tidak sampai satu jam walaupun pembeli hanya terhad untuk membeli tidak lebih daripada dua ekor sahaja.

Program Pasar Rakyat KELAGRO beberapa siri sebelum ini diadakan di perkarangan Stadium Sultan Muhammad ke-IV, Kota Baharu dan pada kali ini adalah siri pertama yang diadakan di peringkat DUN.



LRA KETEREH MAMPU BEKAL AIR KEPADA 4 RIBU PENGGUNA DI 36 KAMPUNG



KOTA BHARU, 31 Mei - Loji Rawatan Air (LRA) Ketereh mampu memenuhi permintaan bekalan air di 36 buah kampung antaranya Pekan Ketereh, Kampung Padang Lembek, Kampung Dandang, Kampung Pasir, Kampung Banggol Lepah, Kampung Laka, Kampung Tanjung Pagar dan secara keseluruhannya akan memberi manfaat kepada 4 ribu akaun pengguna.

Menteri Besar Kelantan, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob memaklumkan hal tersebut dalam sidang media selepas Majlis Perasmian Loji Rawatan Air Ketereh.

Menurutnya, Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) telah berjaya

menyelesaikan projek penukaran paip baharu sepanjang 87 kilometer (km) sebagai usaha meningkatkan kualiti dan bekalan air di Kelantan. Antaranya membabitkan kawasan jajahan Kota Bharu, Tumpat dan Gua Musang yang dilaksanakan sejak 2021 dan dijangka siap sepenuhnya pada 2030.

“Bagi paip lama dan uzur, akan dilaksanakan pada tahun ini iaitu sepanjang 340 km di Kota Bharu, Tanah Merah, Kuala Krai dan Machang. Pihak Pengurusan Aset Air Berhad dalam proses melantik perunding untuk melaksanakan projek penukaran paip membabitkan seluruh jajahan Bachok sepanjang 220 km yang akan dilaksanakan pada 2023.

“Kawasan yang sudah selesai melakukan kerja penukaran paip berjaya meningkatkan tekanan air, mengatasi isu kebocoran paip dan mengurangkan gangguan bekalan air seperti Dusun Muda dan Tanjung Chat di Kota Bharu dan jalan Kelaboran sehingga Chabang Neting di Tumpat”, katanya.

Beliau turut berterima kasih

kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) atas penyaluran peruntukan serta sokongan kepada Kelantan bagi meningkatkan bekalan air kepada rakyat di negeri ini.

Sementara itu, Ustaz Dato' Ahmad juga menjelaskan semua projek antaranya Projek LRA Kampung Telok, Kota Bharu, Projek baik pulih Sistem LRA Wakaf Bharu, Tumpat, Pemasangan Paip Tangki Lepan Jaya, Gua Musang yang siap dibina dan dinaik taraf serta Projek LRA Meranti Bahru, Kedai Buloh dan Telong yang dalam proses perancangan untuk dimulakan pembinaannya tersebut dibiayai di bawah pinjaman Kerajaan Negeri sebanyak RM49 juta.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), YB Dato' Abdullah Ya'kob, Pengurus Jawatankuasa Kerjaryaya, Infrastruktur, Pengangkutan dan Utiliti, YB Dato' Sr Azami Mohd Nor, Pengurus Besar AKSB, Datuk Ir Dr Azuhan Mohamed dan staf AKSB.

KEBERKATAN

INDUSTRI IKAN AIR TAWAR BERPOTENSI JANA SOSIOEKONOMI RAKYAT



KOTA BHARU – Menteri Besar, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob memaklumkan industri ikan air tawar berpotensi besar bagi menjana sosioekonomi rakyat terutamanya kepada penternak. Kerajaan Negeri sedia mempromosikan industri ikan air tawar ini ke pasaran yang lebih besar.

Tambahnya, industri ikan air tawar adalah salah satu sumber kepada bekalan makanan negara dan pilihan kepada rakyat, berikutan harga ikan laut yang sering meningkat sehingga 20 peratus

sejak kebelakangan ini.

“Hampir 1,100 penternak ikan air tawar di Kelantan yang secara tidak langsung dapat mengembangkan sektor akuakultur, jadi saya sarankan semua rakyat di Kelantan membeli dan memilih ikan air tawar dalam menu masakan harian kerana mempunyai khasiat yang sama dengan ikan laut,” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Jelajah Perikanan Jom Makan Ikan Air Tawar di pekarangan Stadium Sultan Muhammad IV pada Khamis, 23 Mei.

Sehubungan itu, beliau berharap peruntukan RM975,000 daripada Kerajaan Negeri kepada Jabatan Perikanan Kelantan bagi menganjurkan program pembangunan untuk nelayan dan penternak berjaya dalam masa terdekat.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani,

Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar YB Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Perikanan (Pembangunan) Mohd Mohtar Mahamud.

Terdahulu, Program Jelajah Perikanan “Jom Makan Ikan Air Tawar” ini adalah satu program bagi menarik minat masyarakat dan memberi kesedaran tentang ikan air tawar. Program tersebut bertujuan mendedahkan seluruh masyarakat tentang jenis ternakan ikan air tawar di Kelantan dan produk berdasarkan ikan air tawar. Sekali gus menggalakkan masyarakat untuk makan ikan air tawar.

Permintaan yang tinggi akan meningkatkan pengeluaran spesis ikan air tawar seterusnya membantu penjanaan pendapatan penternak dan pengusaha produk Industri Asas Tani berdasarkan ikan air tawar.

KEBAJIKAN

KEMPEN KELANTANKU BERSIH TERUS DIPERKASAKAN - DR IZANI

PASIR PUTEH, 30 Mei - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Al-Sultan Kelantan, Sultan Muhammad IV bertitah bahawa agenda kebersihan adalah agenda yang patut diberi perhatian serius. Begitu juga YAB Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob memaklumkan setiap tahun di dalam perutusan amanat tahun baharunya yang meletakkan fokus kebersihan sebagai satu agenda utama.

Sehubungan itu, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, YB Dr Izani Husin memaklumkan, RM1.5 juta telah diperuntukkan kepada MDPP bagi program-program kebersihan dan keceriaan ketika berucap merasmikan Jelajah Kelantanku Bersih (Zon Bersih Indah Ceria) peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Majlis Daerah Pasir



Puteh (MDPP).

“Kerjasama semua pihak, peranan dan pengembalian tenaga antara ahli-ahli majlis dengan pengurusan PBT dalam merangka program-program berterusan amat penting supaya rakyat dapat melihat bahawa agenda kebersihan ini suatu perkara yang diambil serius”, katanya.

Yang Dipertua MDPP merangkap Ketua Jajahan Pasir Puteh, Ahmad Adlee Yasin pula berkata pemilihan



bandar Tok Janggut sebagai lokasi Zon Bersih, Indah dan Ceria di Pasir Puteh berdasarkan faktor lokasi tersebut ialah bandar baharu yang sedang berkembang.

“Bandar baharu ini bakal menjadi pusat komersial yang utama di Pasir Puteh dan tumpuan orang ramai. Bagi memastikan bandar ini sentiasa bersih, indah dan ceria, MDPP menyahut seruan memilih tempat ini sebagai Zon Bersih di peringkat PBT”, katanya.

30 PEGAWAI KERAJAAN KELANTAN TERIMA DIPLOMA TASAWWUR



KOTA BHARU, 29 Mei – 30 pegawai kerajaan negeri yang berjaya menamatkan pengajian di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dalam jurusan Eksekutif Tasawwur Islam menerima diploma yang disampaikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob.

“Objektif program ini untuk melahirkan pegawai yang lebih berkeyakinan dan berkebolehan dalam bidang Pengajian Islam serta dapat mempraktikkan ilmu-ilmu yang diajar dalam kehidupan seharian dan dalam bidang pentadbiran,” katanya ketika merasmikan Majlis Penganugerahan Diploma Eksekutif Tasawwur Tahun

2018/2019.

Terdahulu, program Sijil Tasawwur tersebut bermula pada tahun 2013, sehingga kini empat siri telah berjaya dilaksanakan melibatkan 127 pegawai kumpulan pengurusan dan profesional. Bagi program Diploma Eksekutif Tasawwur Islam bagi tahun 2018/2019, sesi pengajian bermula pada 30 Julai 2018 melibatkan 30 pegawai sahaja.



*Buletin*

MINGGUAN

بوليتيك — زارالنديم

DARULNAIM

www.upknkelantan.com

KELANTAN RAIKAN DELEGASI INSTITUSI KEHAKIMAN SARAWAK

KOTA BHARU, 1 Jun – Kerajaan Negeri Kelantan meraikan delegasi Ketua Hakim Syarie Sarawak yang diketuai Mufti Negeri Sarawak Sahibus Samahah Datuk Kipli Yasin ke Kelantan dengan Majlis Makan Malam Mahabbah di Ibis Style Hotel.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta Dato' Panglima Perang Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata hubungan Kelantan dan Sarawak amat dekat kerana latar belakang ayahanda kepada Ketua Menteri Sarawak ketiga dan Yang di-Pertua Negeri Sarawak keempat, Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub juga berasal dari Kelantan.

"Peranan Tun Datuk Patinggi Haji



Abdul Rahman amat besar dan penting dalam perkembangan Islam di Sarawak. Oleh itu, peranan ini perlu diteruskan dan dimanfaatkan oleh generasi hari ini demi menyerlahkan Islam yang sejagat dalam pelbagai etnik yang ada di Sarawak," katanya.

Turut hadir, Mufti Negeri Kelantan Dato' Mohammad Syukri Mohamad, Ketua Hakim Syarie Kelantan Ibrahim

Deris, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) YB Dato' Che Mohd Rahim Jusoh dan Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) Dato' Dr Johari Mat.

Terdahulu, delegasi tersebut turut mengadakan ziarah rasmi ke Mahkamah Syariah Negeri Kelantan, Universiti Malaya Kampus Bachok dan Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG).

3 RIBU PENONTON SAKSIKAN TAYANGAN PERLAWANAN AKHIR UEFA



KOTA BHARU, 29 Mei - Tiga ribu penonton membanjiri perkarangan Pasaraya Mydin Mall, Tunjung untuk menyaksikan perlawanan akhir Liga Juara-juara Eropah (UEFA) anjuran Urus Setia Belia, Sukan dan NGO (UBeS).

Exco Sukan Negeri, YB Wan Roslan Wan Hamat berkata penganjuran tayangan skrin mega antara Liverpool

dan Real Madrid tersebut bertujuan mengaktifkan aktiviti untuk para belia selepas sekian lama tidak dapat berkumpul untuk menonton perlawanan bola secara terbuka berikutan pandemik COVID-19.

Beliau turut memaklumkan kerajaan akan mula membangunkan Kompleks Sukan Bukit Merbau pada penghujung

tahun 2022 atau Januari 2023 merangkumi komponan stadium utama, stadium hoki dan lapang sasar.

"Kita juga bercadang untuk membangunkan sekolah sukan di Bukit Merbau. Manakala pusat akuatik pula bakal dibina di Madinatul Salam, Tiong dengan kos RM20 juta", katanya.

